

KEUPAYAAN PENDUDUK MELAYU KAMPUNG BANDAR MENIKMATI KUALITI HIDUP DI BANDAR

(The Ability of Malay Inhabitants in Urban Villages to Enjoy a Quality Life in Urban Areas)

**Mohamad Shahrudin Samsurijan*
msdin@usm.my

Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan,
Universiti Sains Malaysia.

Radin Firdaus Radin Badaruddin
radin@usm.my

Mohd Hafidz Jaafar
mhafidz@usm.my

Pusat Pengajian Teknologi Industri,
Universiti Sains Malaysia.

Azahan Awang
azahan@ukm.edu.my

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Terbit dalam talian (*published online*): 4 Julai 2019

Sila rujuk Mohamad Shahrudin Samsurijan, Radin Firdaus Radin Badaruddin, Mohd Hafidz Jaafar, Azahan Awang. (2019). Keupayaan Penduduk Melayu Kampung Bandar Menikmati Kualiti Hidup di Bandar. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 12(2), 255-290.

Abstrak

Perkembangan pesat di bandar menyebabkan penduduk Melayu kampung bandar secara sukarela atau terpaksa berhadapan dengan persekitaran yang berubah-ubah

dan kompleks. Kajian ini merungkaikan keupayaan penduduk Melayu kampung bandar mencapai status kualiti hidup menerusi aspek ketersediaan diri, sosial dan adaptasi persekitaran. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan melibatkan sebanyak 509 orang penduduk daripada 21 buah kampung bandar di sekitar bandar Kangar, Alor Setar dan George Town sebagai responden kajian. Hasil kajian mendapati aspek ketersediaan diri individu, sosial dan adaptasi persekitaran telah memberikan jaminan kehidupan yang baik kepada penduduk kampung bandar dan meningkatkan keupayaan menangkis tekanan pembangunan di persekitarannya. Perbandingan antara kawasan kampung bandar pula mendapati penduduk Melayu kampung bandar di Kangar mempunyai keupayaan yang tinggi (62.1%), diikuti Alor Setar (61.9%) dan George Town (61.8%) untuk mencapai status kualiti hidup yang baik. Status kualiti hidup responden di ketiga-tiga bandar adalah seimbang dengan perbezaan relatifnya sekitar 0.1% hingga 0.3% dan berada pada tahap keupayaan sederhana tinggi. Perkembangan bandar di Malaysia memberikan keupayaan yang seimbang kepada penduduk kampung bandar untuk beradaptasi dengan perubahan persekitaran bandar.

Kata kunci: Keupayaan, kualiti hidup, kampung bandar, Melayu

Abstract

Rapid urban development has caused Malay inhabitants of urban villages to have to deal, voluntarily or involuntarily, with a changing and complex environment. This study reveals the ability of such Malay villagers to achieve a quality life through environmental adaptation, as well as social and self-readiness. This study was conducted using a quantitative approach, and involved 509 residents from 21 urban villages around the towns of Kangar, Alor Setar and George Town, as respondents. The findings of the study are that the environmental adaptation, as well as social and self-readiness provide a guarantee for quality living to the villagers, and enhance their ability to deal with the pressures of development in their surroundings. Comparisons between urban village areas showed that the residents of urban villages in Kangar have a high ability of achieving a good quality of life (62.1%), followed by Alor Setar (61.9%) and George Town (61.8%). The status of the quality of life among respondents in all three cities is balanced, with a relative difference of about 0.1% to 0.3%, and thus at a moderate level of ability. Urban development in Malaysia provides urban villagers with a balanced ability to adapt to changes in the urban environment.

Keywords: ability, quality of life, urban village, Malay

PENDAHULUAN

Teras kajian ini adalah untuk merungkaikan keupayaan penduduk Melayu kampung bandar mencapai status kualiti hidup yang baik untuk menghadapi tekanan pembangunan bandar yang semakin mencabar. Kepesatan pembangunan bandar hari ini memberikan kesan langsung terhadap status kualiti hidup penduduk Melayu kampung bandar untuk terus berdaya saing dalam persekitaran bandar yang semakin kompleks.

Proses pemodenan, pambandaran dan perindustrian yang berlaku di negara ini sejak mencapai kemerdekaan 56 tahun lalu telah banyak merombak struktur masyarakat dan cara hidup penduduk, khususnya di bandar (Abdul Rahman, 2011). Perkembangan ini memberikan kesan langsung terhadap kualiti hidup penduduk Melayu kampung bandar. Penduduk Melayu kampung bandar merupakan sebahagian daripada penduduk bandar, tinggal di kawasan kampung yang terkepung atau dikelilingi oleh persekitaran pembangunan bandar. Bahkan kualiti hidup penduduk Melayu kampung bandar dan penduduk lain di persekitaran bandar mempunyai interaksi yang signifikan dan saling mempengaruhi antara satu sama lain (Yan Song dan Zenou, 2011; Yuting Liu *et al.*, 2010). Kedudukan status kualiti hidup penduduk bandar sering kali dilihat lebih baik jika dibandingkan dengan penduduk yang tinggal di kawasan luar bandar. Tanggapan ini hanya wujud apabila kualiti hidup penduduk bandar sering digambarkan menerusi pelbagai kemudahan infrastruktur serta perkhidmatan perbandaran yang diterima (Azahan *et al.*, 2008, 2009).

Perancangan dan strategi merupakan aspek penting yang harus dilihat dalam konteks pembangunan bandar (Foo, 2000; Gaston, 2010) bagi memastikan kualiti hidup penduduk Melayu kampung bandar dapat ditingkatkan secara menyeluruh sama ada pada peringkat individu, sosial mahupun persekitarannya. Kajian sarjana mendapati bahawa kekuatan sesebuah bandar bergantung pada sejauh mana kualiti hidup yang diharapkan dapat dipenuhi, termasuklah kemudahan dan perkhidmatan yang terbaik diterima seperti peluang pekerjaan, peluang pendidikan, jaminan keselamatan dan kesihatan (Azahan *et al.*, 2008; Azahan *et al.*, 2009; Mansor *et al.*, 2010; Naude *et al.*, 2009).

Semua ini merupakan penyumbang kepada pencapaian peningkatan kualiti hidup penduduk bandar termasuklah penduduk Melayu kampung bandar. Kualiti hidup merupakan intrinsik terhadap kesejahteraan masyarakat dan kepuasan mereka terhadap bandar. Bandar juga berbeza peringkatnya dari segi pembangunan bandar, termasuklah kesejahteraan, budaya, persekitaran, ekonomi, dan semua ini merupakan keperluan yang perlu difahami oleh ahli perancang walau semua itu berada dalam satu lingkungan persekitaran negara yang sama (Asmah, 2005).

Faktor persekitaran fizikal dan penduduk dilihat saling mempengaruhi dan membawa kesan signifikan untuk menentukan tahap kualiti hidup penduduk (Yuliana & Felix, 2012). Penilaian terhadap kualiti hidup ini dianggap penting kerana melibatkan kehidupan manusia dan persekitarannya (Narayana, 2009; Scanlon, 1993). Persekitaran bandar yang berbeza turut mempengaruhi keupayaan penduduk Melayu kampung bandar yang akhirnya memberikan gambaran sebenar keupayaan penduduk itu untuk mencapai status kualiti hidup.

ISU PERSEKITARAN KAMPUNG BANDAR DAN KUALITI HIDUP PENDUDUKNYA

Isu dan cabaran kehidupan penduduk Melayu kampung bandar dapat dilihat dalam dua keadaan, iaitu persekitaran kampung bandar dan komuniti Melayu yang tinggal di kawasan tersebut (rujuk Rajah 1). Persekitaran bandar menyediakan pelbagai kemudahan kepada penduduk Melayu kampung bandar. Infrastruktur yang tersedia di persekitaran bandar menjadikan kehidupan di bandar lebih bermakna untuk memenuhi keperluan dan kehendak penduduk Melayu kampung bandar. Jurang keperluan persekitaran bandar dan luar bandar yang jauh berbeza menjadikan kualiti hidup penduduk bandar sering kali dilihat lebih baik menerusi pelbagai infrastruktur serta perkhidmatan perbandaran yang diterima (Azahan *et al.*, 2008), selain daripada faktor persekitaran fizikal dan penduduknya (Azahan, 2004; Heller dan Hadler, 2006; Narayana, 2009).

Hasil bancian Jabatan Perangkaan Malaysia tahun 2010 menunjukkan sebanyak 71% penduduk Malaysia tertumpu di bandar. Cabaran yang dihadapi adalah untuk menyediakan kemudahan di bandar bagi memastikan faedah kepadatan tidak terjejas berikutan peningkatan jenayah, pencemaran dan kesesakan (Malaysia, 2010). Peningkatan jumlah penduduk di bandar turut memberikan kesan langsung terhadap penduduk Melayu kampung bandar. Sepanjang dekad yang lalu, Malaysia melalui proses pembandaran yang pesat dengan penduduk di kawasan bandar meningkat pada kadar 2.2% berbanding dengan penduduk di luar bandar pada kadar 1.6% bagi tempoh tahun 2000 hingga tahun 2009. Penduduk bandar di Semenanjung Malaysia merangkumi 67% daripada jumlah penduduk, dengan pertumbuhan kawasan bandar pada kadar 2.1% berbanding dengan pertumbuhan kawasan luar bandar pada kadar 1.4% untuk tempoh yang sama (Malaysia, 2010).

Persekitaran bandar menyediakan asas pembentukan kualiti hidup penduduk Melayu kampung bandar. Bandar dikatakan sebagai sebuah petempatan kekal yang secara relatifnya besar, padat, serta pelbagai kemudahan yang terdapat di bandar


menggambarkan bandar sebagai tempat yang sesuai untuk mendapatkan kualiti hidup yang baik (Azahan, 2004; Azahan *et al.*, 2008; Lee dan Wan Rozali, 2007). Menurut Ye Liu *et al.*, (2012) penduduk kampung bandar (di China) memilih untuk terus kekal di bandar bukan kerana peluang pekerjaan dan untuk meningkatkan kualiti hidup semata-mata, tetapi dipengaruhi oleh faktor warisan, tradisi dan budaya. Penduduk Melayu kampung bandar merupakan penduduk asal di persekitaran bandar tersebut, sebelum kawasan itu bergelar bandar, atau dibangunkan sebagai sebuah bandar. Perubahan masa dan ruang telah menyebabkan penduduk Melayu kampung bandar sama seperti penduduk kampung bandar di China terasing dan terkepung di tengah-tengah pembangunan bandar (Li Ling dan Li Xin, 2011; Ye Liu *et al.*, 2012; Yuting *et al.*, 2010).

Menurut Jacobs (1961), Dasar Perancangan Moden yang diperkenalkan (merujuk dasar yang diperkenalkan di New York, Amerika Syarikat pada tahun 1960-an) mampu memusnahkan dan melenyapkan komuniti asal yang berada di bandar. Proses pembangunan dan perbandaran yang dilakukan dengan tidak memikirkan masyarakat yang sedia ada dalam bandar berkenaan boleh mengundang bencana kepada komuniti tersebut. Akibatnya, komuniti sedia ada yang tinggal di bandar terpaksa menyesuaikan diri dan hidup secara bertungkus-lumus untuk beradaptasi dengan perubahan.

Isu yang berkaitan dengan penduduk bandar telahpun dibincangkan sejak sekian lama. Yang berbeza ialah istilah dan kawasan kampung bandar itu sendiri. Namun begitu, isunya tetap sama, iaitu jaminan kualiti hidup masyarakat yang tinggal di kawasan bandar. Menurut Jacobs (1961), pembangunan perbandaran seharusnya sentiasa memikirkan golongan ini agar apa-apa yang dirancang tidak menindas atau menganiayai komuniti yang berada di sekitarnya.

Perkembangan pesat di bandar-bandar besar dalam era moden pada abad ke-21 menjadi semakin ketara terutamanya di kebanyakan negara membangun (Anuar, 2004; Lee dan Wan Rozali, 2007). Pemandaran dianggap penting sebagai mangkin pertumbuhan ekonomi, di samping dapat meningkatkan kualiti hidup penduduk. Namun demikian, Anuar (2004), Lee dan Wan Rozali (2007) memberikan gambaran kesan pemandaran, iaitu banyak kampung yang terletak di sempadan bandar tenggelam dalam arus pembangunan. Kebanyakan petempatan ini sudah lama wujud dan masih tidak membangun kerana tidak diberikan tumpuan dalam dasar pembangunan bandar.

Contohnya, China mengalami tiga gelombang besar perkembangan pemandaran, iaitu pada tahun 1980-an, sekitar tahun 1992 dan pada tahun 2003. Perkembangan ini menyebabkan berlakunya rebakan bandar yang besar. Zon pembangunan



Rajah 1 Isu dan kualiti persekitaran kampung bandar.

diperluas sehingga melangkaui kawasan tanah pertanian (Yuting Liu *et al.*, 2010). Yang dikhuatiri terjejas ialah komuniti yang tinggal di kawasan kampung bandar yang terdapat di bandar besar, seperti Shenzhen dan Guangzhou. Lokasi kawasan kampung bandar menjadikan penduduk di kawasan berkenaan sebahagian daripada penduduk bandar (Li Ling dan Li Xin, 2011; Yan Song dan Zenou, 2011; Yuting Liu *et al.*, 2010). Namun demikian, He *et al.* (2009) dan Yuting Liu *et al.* (2010) melihat kebanyakan penduduk di kampung bandar tidak pernah diberikan keistimewaan dari segi peluang pekerjaan serta pampasan yang munasabah berikutan pengambilan kawasan tanah pertanian yang telah diambil.

Kajian yang dilakukan Yan Song dan Zenou (2011) terhadap penduduk kampung bandar di bandar Shenzhen, China menunjukkan bahawa persekitaran kawasan kampung bandar memaksa penduduknya bertungkus-lumus menyesuaikan diri dengan kehidupan di bandar. Namun demikian, tidak nampak pula tanda penduduk kampung bandar mengambil ikhtiar lain untuk keluar dari kawasan berkenaan. Situasi ini menunjukkan bahawa tahap kualiti hidup penduduk di kawasan kampung bandar tersebut yang mungkin telah memenuhi kehendak dan keperluan semasa penduduk sehingga menyebabkan penduduk tidak keluar dari kawasan kampung bandar tersebut.

Gu dan Shen (2003) pula mendapati sungguhpun kawasan kampung bandar (masyarakat di China) terletak di dalam bandar, suasana perkampungan masih lagi seperti kawasan pedalaman. Kesannya, kawasan kampung bandar seolah-olah sebuah kawasan yang terasing daripada perancangan pembangunan, kemudahan infrastruktur serta layanan daripada pihak berkuasa perbandaran. Walau bagaimanapun, disebabkan kemajuan kawasan di sekitar perkampungan tersebut memberi peluang kepada pemilik tanah di kawasan kampung bandar di China untuk memanfaatkan kawasan yang dimiliki dengan menarik masyarakat yang bekerja di bandar tinggal di kawasan kampung bandar. Pemilik tanah mendirikan atau membina bilik untuk disewa (Li Ling dan Li Xin, 2011; Xie, 2005; Yanliu dan Bruno, 2012; Ye Liu *et al.*, 2012; Yuting Liu *et al.*, 2010). Keadaan ini pula membawa masalah sosial seperti isu keselamatan dan pelacuran (Xie, 2005).

Kawasan kampung bandar sering kali berhadapan dengan kritikan dan pandangan yang negatif daripada penduduk bandar sekitar dan pihak berkuasa tempatan. Kawasan kampung bandar seringkali dikaitkan dengan kecacatan pemandangan di bandar, mengganggu proses pembangunan bandar dan pembinaan rumah baharu secara *ad-hoc* oleh penduduk kampung bandar (Pu Hao *et al.*, 2011; Xie, 2005). Perkembangan ini membawa beberapa cadangan oleh pihak berkuasa untuk mengambil alih kawasan kampung bandar untuk membangunkan kawasan ini semula dengan cara yang lebih terancang, manakala masyarakat yang berada di dalamnya akan dipindahkan ke kawasan penempatan baharu yang dianggap lebih sempurna dan berkualiti (Pu Hao *et al.*, 2011; Xie, 2005).

Isu berkaitan dengan pertumbuhan semula bandar dan pembangunan semula bandar membawa era baharu perubahan masyarakat bandar (Jung *et al.*, 2011; Deakin, 2012; Biddulph, 2011). Perkembangan ini sudah pasti melibatkan penduduk Melayu yang tinggal di kawasan kampung bandar. Konsep pembangunan ini dikatakan dapat memaksimumkan ruang yang terdapat di bandar dan pada masa yang sama mampu meletakkan kualiti hidup penduduk bandar pada tahap yang terbaik (Deakin, 2012;

Biddulph, 2011). Namun demikian, apa-apa yang berlaku di bandar raya Seoul, Korea Selatan sebahagian besar daripada projek pembaharuan bandar berlaku pada tahun 1980-an, selepas Undang-undang Pembangunan Semula Bandar (*Urban Redevelopment Law*) diluluskan pada tahun 1976. Projek pembangunan semula dan pembaharuan bandar dilihat mampu menjadikan persekitaran bandar lebih teratur dan bersistem. Perkembangan ini membolehkan pihak pemaju (syarikat pembinaan) dan pemilik rumah atau tanah di sekitar bandar utama Seoul, Korea Selatan menjalankan projek secara usaha sama. Projek ini yang dimulakan secara sukarela di bawah arahan jawatankuasa pemilik rumah dan pegawai syarikat pembinaan, yang dipilih oleh wakil pemilik rumah. Usaha sama ini secara teorinya dapat membina rumah pangsa atau rumah bertingkat kepada penduduk serta berkongsi keuntungan dengan pemaju. Namun demikian, dianggarkan kurang daripada 20% daripada penduduk asal (penduduk kampung bandar) yang mampu membeli sekurang-kurangnya satu unit apartmen, selebihnya tidak mampu memilikinya kerana tidak mempunyai sumber kewangan yang cukup (Seong-Kyu Ha, 2004).

Contoh lain yang dapat dilihat ialah isu yang timbul di kawasan Kampung Baru Kuala Lumpur yang merupakan antara kawasan kampung bandar yang terletak di tengah-tengah ibu kota. Pihak berkepentingan telah merancang pembangunan semula kawasan tersebut. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menjangkakan nilai tanah di kawasan itu mampu melebihi RM20 bilion jika penduduk menerima konsep pembangunan itu sepenuhnya. Namun demikian, rancangan pembangunan semula kawasan Kampung Baru Kuala Lumpur dilihat gagal menarik keyakinan penduduk. Salah satu faktornya ialah kurangnya keyakinan penduduk terhadap pihak pemaju yang menawarkan nilai hartanah di bawah nilai sebenar.

Di bawah unjuran pertumbuhan semasa, kawasan bandar di Semenanjung Malaysia perlu menampung pertambahan enam juta penduduk bagi tempoh tahun 2010 hingga tahun 2020 (Malaysia 2010). Kawasan untuk pembangunan, khususnya di *Greater Kuala Lumpur (Greater KL)* adalah terhad dan tidak dapat menampung permintaan yang meningkat. Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10) bagi tempoh tahun 2011 hingga tahun 2015, pembangunan bandar padat akan digalakkan untuk menampung pertumbuhan tersebut. Perkembangan ini sudah pasti akan memberikan impak yang besar terhadap kualiti hidup penduduk Melayu di kawasan kampung bandar untuk terus berdaya saing atau sebaliknya.

Di Malaysia, persoalan yang timbul ialah sejauh manakah keistimewaan yang diterima oleh penduduk Melayu kampung bandar di Malaysia ketika ini? Mungkinkah kualiti hidup penduduk Melayu kampung bandar jauh lebih baik daripada apa-apa yang berlaku di kawasan petempatan kampung bandar di bandar Ho Chi Minh,

Vietnam, bandar raya Seoul, Korea Selatan serta bandar Shenzhen atau Guangzhou, China.


DEFINISI KONSEP DAN PEMBENTUKAN KAWASAN “KAMPUNG BANDAR”

Definisi kawasan kampung bandar merujuk kawasan kampung yang terletak dalam persekitaran bandar atau sempadan bandar seperti kampung tradisional, kampung baru, kampung tersusun dan kawasan penempatan semula, serta penduduk kampung bandar mempunyai status hak milik rumah atau tanah yang sah (hak milik mutlak atau kekal, pajakan 99 tahun serta pemilikan sementara) (Katiman, 2001; Li Ling, H. dan Li Xin, 2011; Seong-Kyu Ha, 2004; Song dan Yves Zenou, 2011). Kawasan kampung yang terletak di dalam bandar dan tidak mempunyai dokumen sah hak milik adalah terkecuali daripada definisi di atas. Definisi konsep kampung bandar wujud hasil gabungan ciri asas persekitaran fizikal, sosial dan ekonomi di kawasan kampung dan bandar. Secara ekologinya kawasan kampung bandar wujud hasil daripada pembangunan ekonomi dan pemandaran yang pesat dalam sesebuah bandar (Hao *et al.*, 2011; Li Ling Hin dan Li Xin, 2011; Yan Song dan Yves Zenou, 2011; Yuting Liu *et al.*, 2010).

Pembentukan kawasan kampung bandar wujud menerusi dua keadaan, iaitu yang pertama, kesan daripada pemandaran dan yang kedua, hasil daripada konsep pembangunan terancang (Brindley, 2003; Li Ling dan Li Xin, 2011; Murray, 2004; Song dan Yves Zenou, 2011; Ye Liu *et al.*, 2012). Secara konsepnya kawasan “kampung bandar” merupakan kawasan yang didiami oleh komuniti masyarakat bandar yang tinggal dan menetap secara berkumpulan atau dalam kelompok tertentu sama ada kelompok tersebut dibentuk ataupun terbentuk sendiri kesan daripada pembangunan pemandaran (Li Ling & Li Xin, 2011; Pu Hao *et al.*, 2011; Song & Zenou, 2011; Yuting *et al.*, 2010).

KESAN PERKEMBANGAN BANDAR

Menurut Song dan Zenou (2011) kampung-kampung di dalam bandar di China dikenali sebagai *Cheng Zhong Cun* yang kemudiannya dikenali sebagai kampung bandar yang dahulunya dihuni oleh golongan petani China, dan kini terletak di tengah-tengah bandar. Menurut Yuting *et al.* (2010), kawasan kampung bandar ini merupakan kawasan kampung yang telah dikelilingi oleh bandar. Menurut mereka lagi kampung bandar merupakan kawasan yang didiami oleh komuniti penduduk bandar, selain turut didiami oleh pendatang luar yang menyewa dengan kadar sewa



Rajah 2 Asas pembentukan kampung bandar kesan daripada pembangunan pempandaran. *Sumber:* Diubah suai daripada Li Ling dan Li Xin (2011), Pu Hao *et al.* (2011), Song dan Yves Zenou (2011) dan Yuting *et al.* (2010)


yang lebih rendah daripada penduduk tempatan yang tinggal di kampung bandar. Li Ling dan Li Xin (2011) pula melihat kawasan kampung bandar sebagai kampung yang terletak di tengah-tengah bandar. Pu Hao *et al.* (2011) melihat kampung bandar sebagai kawasan kampung yang terletak dalam pentadbiran pusat bandar serta kawasan kampung yang wujud sebelum perkembangan bandar dan dihuni oleh golongan petani dan penternak.

Kawasan kampung bandar wujud akibat kepesatan proses perbandaran yang berlaku. Pempandaran yang pesat mengakibatkan kedudukan kampung tradisi terkepung di tengah-tengah bandar. Peluasan zon pembangunan memberikan kesan langsung terhadap kawasan kampung bandar sehingga menyebabkan kawasan tanah pertanian diambil dan dibeli oleh pihak kerajaan serta swasta bagi tujuan pembangunan. Perkembangan ini menyebabkan kampung yang terdapat di bandar dihimpit dan dikelilingi bangunan yang dibangunkan secara terancang oleh pihak berkuasa tempatan (Rajah 2).

PELAKSANAAN KONSEP PEMBANGUNAN TERANCANG

Penyelidik di beberapa negara Barat melihat “Kampung Bandar” (*Urban Village*) sebagai satu konsep pembangunan terancang dalam sesebuah bandar (Rajah 3). Brindley (2003) cuba memperincikan konsep pembangunan “kampung bandar”

sebagai konsep yang membentuk komuniti penduduk bandar mendiami kawasan persekitaran yang akan memenuhi keperluan dan kehendak asas penduduk. Menurut Tait (2003) konsep “kampung bandar” merupakan bentuk pembangunan baharu di pusat bandar, yang dikatakan dapat membangunkan minat komuniti sesuatu kawasan itu untuk tinggal, bekerja, bermain, dan menghabiskan masa untuk berekreasi di sekitar kawasan tempat kediaman. Konsep “kampung bandar” dikatakan mampu membentuk interaksi masyarakat atau komuniti di sekitarnya akan menjadi lebih mesra dan utuh. Konsep yang diketengahkan ini dapat memudahkan urusan harian serta memudahkan pergerakan penduduk untuk mendapatkan segala kemudahan yang ada secara bersama-sama dengan komuniti di sekitar kejiranan.



Rajah 3 Konsep asas pembangunan “kampung bandar”.

[Sumber: Diubah suai oleh Brindley (2003), Murray (2004) dan Pu Hao *et al.* (2011)].

Di Barat, “kampung bandar” merupakan konsep pembangunan terancang melalui pembangunan kawasan dengan cara yang paling optimum (Brindley, 2003; Hamam Serag *et al.*, 2013). Konsep “kampung bandar” yang dibangunkan akan meningkatkan serta menambah baik struktur masyarakat yang akan tinggal di dalamnya melalui suasana hubungan antara jiran yang lebih mesra, persekitaran yang lebih selamat,


kemudahan yang berkesan, dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas, serta semua urusan harian dilaksanakan dalam lingkungan kawasan “kampung bandar” (Brindley, 2003; Hamam Serag *et al.*, 2013; Pu Hao *et. al.*, 2011; Tait, 2003), bahkan bakal penghuni turut diberikan peluang untuk mencadangkan reka bentuk pembangunan kawasan “kampung bandar” (Brindley, 2003).

KEPERLUAN PENILAIAN KUALITI HIDUP SECARA BERTERUSAN

Kualiti hidup merupakan konsep pencapaian matlamat yang menjurus kepada penambahbaikan serta naik taraf sektor atau aspek tertentu yang melibatkan individu, komuniti dan masyarakat secara keseluruhannya (rujuk Rajah 4). Konsep penilaian kualiti hidup merupakan proses berpanjangan, bersifat berterusan dan anjal, iaitu terdapat elemen kualiti hidup objektif dan subjektif yang memerlukan pertimbangan sewajarnya bagi mencapai sesuatu matlamat. Pertimbangan ini wujud setelah mengambil kira hasil siasatan, pengenalpastian, penyelidikan, pengukuran dan penilaian terhadap semua aspek kehidupan atau persekitaran yang melihatkan manusia. Indeks petunjuk kualiti hidup pula dibangunkan setelah melalui proses dalam penilaian kualiti hidup. Petunjuk kualiti hidup merupakan elemen penting yang menjadi rujukan masyarakat untuk menentukan status kualiti hidup. Status kualiti hidup merupakan sebahagian daripada aras piawaian hasil (*output*) daripada proses penilaian kualiti hidup dan skor yang diperoleh daripada indeks petunjuk kualiti hidup yang dibangunkan (Cummins, 2000; Silver, 2012; Massam, 2002; Schalock, 2008; Sirgy, 2011).

Kerajaan memainkan peranan penting untuk memastikan kualiti hidup rakyatnya sentiasa terpelihara dan dipenuhi. Mewujudkan persekitaran kualiti hidup yang baik merupakan tujuan utama berdirinya sesebuah negara (Azahan *et al.*, 2008; Daniel Silver, 2012). Menurut Shaladin *et al.* (2006) penilaian kualiti hidup penting untuk mewujudkan suasana yang sentosa, makmur serta baik sama ada dalam bentuk fizikal mahupun bukan fizikal. Menurut beliau lagi, kualiti hidup sesebuah masyarakat akan lebih bermakna sekiranya kerajaan dapat menyediakan peluang untuk meningkatkan pendapatan, kesihatan, perumahan, kemudahan asas yang lain dan persekitaran pekerjaan yang lebih baik.

Kajian yang dilakukan Cummins (2003), Robert dan Piers (2012) terhadap penilaian terhadap kualiti hidup yang subjektif (kesejahteraan subjektif) mampu menghasilkan nilai yang tersendiri dalam sesebuah komuniti seperti tahap perasaan seronok, tahap kepuasan tentang kehidupan dan tahap berasa hidupnya lebih bermakna. Menurut mereka lagi, apabila seseorang itu berasa seronok, bahagia dan



Rajah 4 Konseptual penilaian kualiti hidup manusia.

[Sumber: Diubah suai daripada Massam (2002), Schalock (2008), Sirgy (2011) dan Daniel Silver (2012)].

hidup bermakna itulah nilai yang paling tinggi daripada segala yang ada di sekitar mereka meskipun dalam keadaan serba kekurangan. Nilai kesejahteraan subjektif ini tidak akan wujud apabila masyarakat berasa dalam keadaan yang susah, sukar, tertekan, tidak selamat, sentiasa bercuriga dan tidak puas hati. Hasil kajian yang dilakukan oleh Cummins (2003) ini lebih menjurus kepada perasaan dan rasa hati penduduk di kawasan yang dikaji. Maksudnya, semakin mereka berasa seronok dan tenteram maka kesejahteraan subjektif itu barulah dikatakan wujud.

Sirgy (2011) dan Chun *et al.* (2011) pula melihat penilaian kualiti hidup pada hakikatnya, iaitu usaha untuk mengatasi masalah dan meningkatkan kualiti hidup manusia sehingga berada dalam keadaan hidup yang selamat, sihat dan selesa baik secara fizikal, sosial mahupun psikologi. Selari dengan pendapat Perdana Menteri Malaysia, iaitu kemajuan sesebuah negara sebenarnya hanya dapat diukur berdasarkan kualiti hidup rakyat yang bertambah baik secara berterusan (Mahathir, 1999). Hujah tersebut menjelaskan keperluan penilaian kualiti hidup bagi sesebuah negara, untuk dinilai dan memberikan gambaran secara keseluruhan kehidupan masyarakat di dalamnya.

Menurut Azahan (2004) dan Jamaluddin (2004,) penilaian kualiti hidup ini sebenarnya merupakan pengukuran yang amat berbeza mengikut ruang dan masa, walaupun keadaan atau situasinya hampir sama. Individu mempunyai hak untuk menentukan penilaian tahap kualiti hidup mereka sendiri. Hal ini jelas menunjukkan bahawa penilaian kualiti hidup memerlukan pertimbangan daripada setiap individu yang berada dalam sesebuah komuniti. Setiap individu memiliki pemahaman dan cita rasa yang berbeza (Costanza *et al.*, 1997; Danny *et al.*, 2007; Veenhoven, 2000). Ramalan sama ada sesuatu kawasan itu berada pada tahap kualiti hidup yang baik ataupun tidak dapat dibuat apabila digabungkan pendapat daripada individu-individu yang lain. Apabila majoriti berasa puas hati dengan keadaan di sesuatu kawasan, maka dapatlah dirumuskan bahawa kehidupan komuniti itu sejahtera, walaupun masih terdapat mereka yang tidak sependapat (minoriti) (Costanza *et al.*, 1997; Danny *et al.*, 2007; Kyle *et al.*, 2004; Veenhoven, 2000).

HUBUNGAN KEHENDAK DAN KESEJAHTERAAN DALAM KONTEKS PENILAIAN KUALITI HIDUP “KAMPUNG BANDAR”


Berdasarkan Rajah 5, kualiti hidup dihuraikan melalui beberapa komponen yang diistilahkan sebagai bidang. Bidang juga dikenali sebagai dimensi, aspek, faktor, elemen atau komponen. Bidang diolah mengikut perspektif dan tujuan sesuatu kajian (Andrews dan Withey, 1976; Cummins, 2000; Sirgy, 2011). Rangka kerja kualiti hidup perlu mengenal pasti elemen teras yang membentuk kualiti kehidupan, yang kemudiannya dihuraikan dan diukur. Elemen inilah yang dikenal pasti sebagai bidang. Untuk setiap bidang terdapat beberapa petunjuk. Petunjuk akan menghuraikan bidang secara terperinci. Panduan dalam usaha menentukan kelas petunjuk ini berbeza mengikut konsep teoretikal yang dibangunkan (Cummins, 2000; Diener & Suh, 1997; Sirgy, 2011). Namun demikian, penentuan pengkajian tentang kualiti hidup ini menentukan hala tuju sesuatu kajian sama ada ingin dibuat

secara objektif, subjektif ataupun kedua-duanya sekali (Ethan & David, 2011; Irina *et al.*, 2008; Murdie *et al.*, 1992).

Bagi Andrews dan Withey (1976), Cummins (2000), Diener serta Lucas (1999, pp. 213-229) penilaian kualiti hidup objektif dan subjektif tidak dapat dipisahkan. Kedua-duanya diibaratkan seperti perkara yang melibatkan kelahiran dan kematian. Petunjuk kualiti hidup objektif lebih menjurus kepada perkara yang melibatkan kehendak (Foo, 2000; Lim *et al.*, 1999), yang pada kebiasaannya diadili oleh petunjuk yang bersifat subjektif, contohnya pengalaman, kegembiraan, persepsi dan kepuasan. Perkara yang subjektif ini kerap kali dinilai dalam konteks kesejahteraan (Asmah, 2005; Lim *et al.*, 1999; Murdie *et al.*, 1992). Masyarakat terlebih dahulu menilai objektif yang memenuhi kehendak seperti pekerjaan, pendapatan, perbelanjaan dan simpanan (Foo, 2000; Lim *et al.*, 1999). Jika kehendak dipenuhi atau mencukupi, sudah pasti memberikan gambaran yang baik terhadap pengalaman, kegembiraan, persepsi dan kepuasan masyarakat. Kualiti hidup yang subjektif membawa nilai yang lebih bermakna dalam kehidupan masyarakat, yakni tentang kesejahteraan kerana melaluinya kepuasan, rasa hati, serta pengalaman masyarakat dapat diterokai dan dinilai dengan lebih dekat (Andrews & Withey, 1976; Cummins, 2000; Irina *et al.*, 2008; Murdie *et al.*, 1992). Maka, penilaian yang akan dihasilkan nanti akan menjurus kepada matlamat sebenar kajian kualiti hidup terhadap keseluruhan masyarakat.

Status kualiti hidup merupakan matlamat yang tersirat dan tersurat kepada setiap individu kerana melibatkan petunjuk yang subjektif dan objektif. Kualiti hidup itu sendiri terbentuk menerusi multidisiplin. Integrasi definisi kualiti hidup memerlukan gabungan kehendak manusia dengan pengalaman dan kesejahteraan subjektif (Cummins, 2003; Ruta *et al.*, 2007; Murdie *et al.*, 1992; Costanza *et al.*, 1997). Jika dilihat kebanyakan petunjuk kualiti terdiri daripada konsep pelbagai skala dan pelbagai dimensi, namun demikian, tidak dapat lari daripada interaksi elemen kehendak dan kesejahteraan (Irina *et al.*, 2008). Gabungan elemen ini menerusi pengaruh persekitaran serta peluang lain yang tersedia memenuhi keperluan manusia (Cummins, 2003; Fahy *et al.*, 2008; Murdie *et al.*, 1992; Robert Costanza *et al.*, 1997).

Sehubungan dengan itu, kajian ini telah menetapkan ketersediaan individu, sosial dan adaptasi persekitaran sebagai komponen dalam usaha memenuhi kehendak bagi menggambarkan keupayaan penduduk Melayu kampung bandar mencapai status kualiti hidup. Ketersediaan diri individu memberikan gambaran kekuatan tahap kesediaan penduduk Melayu kampung bandar menerusi petunjuk pendapatan, pendidikan, kesihatan dan keluarga yang memberikan keupayaan kepada mereka untuk terus kekal di persekitaran kampung bandar. Ketersediaan



Rajah 5 Konseptual hubungan antara petunjuk kehendak dan kesejahteraan penduduk Melayu kampung bandar.
 [Sumber: Diubah suai daripada Azahan *et al.*, (2008), Silver (2012), Massam (2002) dan Schalock (2008)].

sosial pula memberikan gambaran pertimbangan penduduk Melayu kampung bandar secara keseluruhannya terhadap akses bandar dan mudah sampai menerusi petunjuk pengangkutan, keselamatan dan penyertaan sosial. Bagi adaptasi persekitaran pula memberikan gambaran terhadap tahap boleh didiami di persekitaran kampung bandar menerusi petunjuk persekitaran perumahan, alam sekitar dan kerja (rujuk Rajah 5).

Ketiga-tiga petunjuk, iaitu aspek ketersediaan diri, sosial dan adaptasi persekitaran dinilai menerusi persepsi penduduk kampung bandar berlainan bandar bagi membantu kajian ini. Yang dilihat ialah sejauh mana wujudnya kaitan persepsi dan kekuatan hubungan antara petunjuk yang akhirnya menentukan tahap kesejahteraan penduduk Melayu kampung bandar secara keseluruhannya menerusi kepuasan, pengalaman dan kegembiraan sehingga membolehkan penduduk terus

kekal di persekitaran bandar mengikut aras bandar yang berbeza serta mampu menyerap tekanan pembangunan bandar.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif sepenuhnya dengan teknik penggunaan persampelan kluster. Teknik ini melibatkan pemilihan sampel dilakukan mengikut pembahagian wilayah geografi (Neuman, 2007) dalam rancangan pembangunan wilayah koridor di Malaysia. Teknik persampelan kluster ini lebih terkesan apabila ciri fizikal dalam kluster kawasan NCER saling berkaitan, contohnya kedudukan geografi (Neuman, 2007), yang akhirnya turut menyumbang ke arah persamaan dalam pelbagai aspek, seperti sosiobudaya dan sosioekonomi. Selaras dengan matlamat dan objektifnya, kajian ini menetapkan skop kawasan kajian dalam NCER hanya tertumpu pada kawasan penduduk Melayu kampung bandar dalam sempadan bandar (pusat bandar) yang diiktiraf sebagai ibu negeri, contohnya bandar Kangar, Perlis; Bandaraya Alor Setar, Kedah; dan Bandaraya George Town, Pulau Pinang. Pemilihan kawasan kampung bandar hanya melibatkan kawasan kampung tradisional sahaja. Jadual 1 menunjukkan senarai kampung bandar yang terletak di sempadan bandar ibu negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.

Pemilihan Sampel Kajian

Menurut Barbie (2009), Chuan *et al.*, (2011) dan Neuman (2007) saiz sampel yang ideal serta mencukupi bagi populasi penduduk (bakal responden) yang kurang daripada 1000 sebanyak 30% daripadanya, di samping perlu mempertimbangkan serta bergantung pada bentuk dan jenis analisis yang akan dilakukan. Menurut mereka, pemilihan sampel yang baik mampu mewakili populasi penduduk. Peratusan sampel sebenarnya tidak terikat selagi sampel dapat memberikan gambaran sebenar terhadap populasi yang terlibat dalam sesuatu kajian.

Mengambil kira pandangan dan hujah penyelidik lepas serta contoh jadual berkenaan dalam penentuan saiz sampel kajian ini membuat ketetapan untuk mengambil sebanyak 40% sampel ketua isi rumah di semua kawasan kampung bandar (kampung tradisional sahaja) yang terletak di sempadan bandar di bandar Kangar, Alor Setar dan George Town (Jadual 1). Kajian ini menghujahkan bahawa saiz sampel yang ditetapkan mampu mewakili penduduk Melayu kampung bandar, di samping jumlah saiz sampel melebihi saiz sampel yang ideal seperti yang kemukakan serta dicadangkan oleh kebanyakan penyelidik, seperti Neuman (2007), Barbie (2009), Chuan *et al.*, (2011) serta Krejcie dan Morgan (1970). Sampel

kajian sebanyak 40% ketua isi rumah adalah cukup untuk kajian ini menjalankan analisis serta mendapatkan tahap kebolehpercayaan dan keabsahan kaji selidik yang dijalankan.

Jadual 1 Senarai kawasan kampung bandar di bandar Kangar, bandaraya Alor Setar dan George Town.

Bil	Bandar dan Negeri	Senarai Kampung Bandar (<i>Dalam Sempadan Bandar Ibu Negeri</i>)	Bilangan Ketua Isi Rumah		Nota
			Bil. Populasi	Bil. Sampel	
1	Kangar, Perlis (Perbandaran Kangar)	Kg. Padang Nyaring	48	24	Sampel yang dipilih 40%
		Kg. Tok Paduka	28	12	
		Kg. Tok Kandang	46	23	
		Kg. Bakau	56	28	
		Kg. Sena	64	32	
		Kg. Behor Temak	94	47	
		Kg. Pengkalan Asam	43	20	
			379	186	
2	Alor Setar, Kedah (Bandaraya Alor Setar)	Kg. Mempelam	72	33	Sampel yang dipilih 40%
		Kg. Pegawai	54	25	
		Kg. Telok Yan	37	18	
		Kg. Seberang Terus	26	11	
		Kg. Seberang Kota Tanah	28	13	
		Kg. Peremba	24	12	
		Kg. Tanjung Bendahara	87	41	
			328	153	
3	George Town, Pulau Pinang (Bandaraya George Town)	Kg. Makam	52	25	Sampel yang dipilih 40%
		Kg. Kota Giam	24	10	
		Kg. Dodol	62	29	
		Kg. Masjid	54	27	
		Kg. Jelutong	68	32	
		Kg. Kebun Lama	57	26	
		Kg. Shaik Yusof	45	21	
			362	170	
Jumlah Besar			1069	509	

(Sumber: PDT Perlis; MPK; JPBD Perlis; PDT Kota Setar; MBAS; JPBD Alor Setar; PDT Timur Laut; MPPP dan JPBD Pulau Pinang).

Pensampelan Nombor Rawak

Oleh sebab kedudukan rumah yang terdapat di kawasan kajian rata-rata berselerak dan berpusat, kajian ini memberikan kod nombor siri yang berturutan bagi setiap rumah di kawasan kajian mengikut kampung yang terdapat di bandar yang sama. Teknik ini turut digunakan di kawasan kajian di bandar berikutnya. Kod nombor siri membolehkan kaedah nombor rawak dapat digunakan serta memastikan setiap ketua isi rumah yang terdapat di setiap buah rumah di kawasan kampung bandar mempunyai peratusan yang sama untuk dipilih sebagai responden. Menurut Neuman (2007), kaedah penggunaan nombor rawak dalam sesuatu kajian dapat mengelakkan *bias* serta mampu memberikan gambaran suasana atau fenomena yang lebih tepat dalam kajian.

HASIL KAJIAN

Hasil kajian akan merungkakan keupayaan penduduk kampung bandar menikmati kualiti kehidupan yang baik menerusi tiga aspek utama, iaitu ketersediaan diri, sosial dan adaptasi persekitaran.



Rajah 5 Hubungan rangkaian antara karakter dengan status kualiti hidup penduduk kampung bandar.

Ketersediaan Diri Asas Kekuatan Penduduk Melayu Kampung Bandar

Hasil kajian menunjukkan bahawa penduduk Melayu kampung bandar berkeupayaan mempertimbangkan kehidupan sendiri mereka secara keseluruhannya atau sesetengah bahagian dalam kehidupan. Kajian ini menghujahkan bahawa penduduk Melayu kampung bandar berupaya memberikan penilaian terhadap kualiti kehidupan yang bermakna. Pertimbangan tentang kehidupan ini mampu menjamin kesejahteraan penduduk Melayu kampung bandar untuk berhadapan dengan perubahan persekitaran yang berlaku. Pertimbangan tersebut penting dalam usaha penduduk menyesuaikan diri untuk memenuhi keperluan dan kehendak ke arah yang lebih baik dan bermakna (Cummins, 2005; Griffin, 2006; Kyle, *et al.*, 2004; Williams & Vaske 2003). Penilaian penduduk Melayu kampung bandar terhadap petunjuk pendapatan, pendidikan, kesihatan dan keluarga dilihat mendukung kekuatan asas ketersediaan diri penduduk untuk terus berupaya kekal di persekitaran kawasan kampung bandar. Hasil kajian mendapati penilaian responden hampir seimbang bagi setiap bandar (Kangar, Alor Setar dan George Town). Persekitaran bandar yang berbeza turut memberikan keupayaan yang berbeza daripada penduduk kerana kawalan homeostasis yang sentiasa kekal positif dengan persekitarannya (Cummins, 2000) merupakan asas ketersediaan diri penduduk.

Memiliki Pendapatan Tetap dan Mencukupi

Majoriti penduduk berpuas hati dengan pendapatan semasa yang diperolehi. Kajian turut menghujahkan bahawa jumlah pendapatan yang diperolehi bukan ukuran tepat untuk meletakkan tahap kepuasan responden pada tahap yang tinggi atau rendah. Min pendapatan semasa responden ialah kira-kira RM1,283.03 (pendapatan bulanan) dan RM2,256.36 (pendapatan isi rumah). Berdasarkan min pendapatan yang diperolehi status pendapatan majoriti responden adalah rendah dan responden mungkin berhadapan dengan kesukaran untuk terus kekal di persekitaran bandar. Isu ini sering diutarakan oleh Yuting Liu *et al.*, (2010) yang melihat pendapatan yang diperolehi penduduk kampung bandar adalah rendah. Namun demikian, penilaian terhadap kedudukan pendapatan semasa, dan penilaian terhadap kekuatan pendapatan yang diperolehi menunjukkan penilaian responden adalah baik dan tinggi.

Ujian statistik *khi* kuasa dua (x^2) turut dijalankan bagi melihat sama ada wujud perkaitan yang signifikan antara penilaian responden di bandar Kangar, Alor Setar dengan George Town terhadap kedudukan pendapatan semasa. Hasil ujian mendapati wujud perkaitan yang signifikan pada penilaian responden antara bandar Kangar, Alor Setar dan George Town terhadap kedudukan pendapatan semasa pada aras

$p < 0.05$ ($p = 0.000$) dengan nilai $\chi^2 = 26.296$. Perkaitan penilaian ini menunjukkan tahap penilaian responden dari bandar Kangar, Alor Setar dan George Town terhadap kedudukan pendapatan semasa adalah baik. Majoriti responden selesa dengan kedudukan pendapatan semasa. Kajian yang dijalankan oleh Anuar (2004) turut memperlihatkan wujudnya perkaitan persepsi responden terhadap kedudukan pendapatan semasa antara kawasan yang terletak di pinggir bandar sekitar bandar raya Johor Bahru.

Pendidikan Asas Keupayaan Penduduk

Majoriti penduduk Melayu kampung bandar di Kangar, Alor Setar dan George Town sangat mementingkan pendidikan. Sebanyak 59.2% responden yang terlibat dalam kajian ini berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan ke atas (Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia/Diploma, Ijazah, Sarjana dan PhD). Penilaian responden terhadap peluang dan ruang untuk mendapatkan pendidikan yang sempurna berada pada tahap baik dan terbuka luas. Menurut Cummins (2000) dan Narayana (2009) penilaian aspek pendidikan memerlukan beberapa pertimbangan, seperti kemudahan yang tersedia, perbelanjaan yang akan ditanggung, jarak ketersampaian, keperluan pembiayaan serta kebebasan membuat pilihan. Penilaian terhadap semua perkara tersebut mampu menggambarkan tahap kesejahteraan penduduk terhadap aspek pendidikan. Persekitaran bandar di Kangar, Alor Setar dan George Town berjaya menyediakan infrastruktur pendidikan yang sempurna dan selari dengan Dasar Perbandaran Negara yang memfokuskan pemerkasaan infrastruktur pendidikan yang sempurna di bandar. Hasil kajian mendapati status perbelanjaan untuk pendidikan dan lokasi untuk mendapatkan pendidikan berjaya memenuhi keperluan dan kehendak penduduk kampung bandar. Usaha ini memberikan kesan positif terhadap penduduk Melayu kampung bandar apabila sebanyak 44% responden yang terlibat dalam kajian ini mempunyai ahli keluarga yang sedang belajar dan berkelulusan pada peringkat universiti.

Hasil kajian turut mendapati majoriti responden sangat memerlukan bantuan kewangan daripada pihak kerajaan atau pihak lain yang berkepentingan. Responden penduduk Melayu kampung bandar melihat kemudahan untuk mendapatkan bantuan kewangan untuk pendidikan adalah terhad dan terbatas. Hasil kajian mendedahkan bahawa majoriti responden di ketiga-tiga bandar memberikan pertimbangan yang hampir seimbang terhadap permasalahan untuk mendapatkan pembiayaan pendidikan ahli keluarga yang ingin melanjutkan pelajaran.

Analisis *khi* kuasa dua yang dijalankan bagi melihat perkaitan penilaian antara responden daripada ketiga-tiga bandar menunjukkan tidak terdapat perkaitan

Jadual 2 Kekuatan skor karakter penduduk kampung bandar.

Bil. Bandar	Karakter Individu (%)				Karakter Sosial (%)				Karakter Persekitaran (%)			Purata Skor (%)	Tahap Keupayaan
	PT	PD	KS	KL	PG	KES	PS	PP	PAS	PK			
1. Bandar Kangar, Perlis	53.1	60.4	51.7	62.0	65.7	69.5	74.5	55.8	59.3	63.8	62.1	Kualiti Hidup Sederhana Tinggi	
2. Bandar Raya Alor Setar, Kedah	50.8	60.1	51.5	63.0	64.7	69.0	73.5	57.7	59.0	64.5	61.9	Kualiti Hidup Sederhana Tinggi	
3. Bandar Raya George Town, Pulau Pinang	52.6	59.5	51.7	52.7	68.2	70.8	72.8	58.2	62.3	62.2	61.8	Kualiti Hidup Sederhana Tinggi	
Purata Skor Keseluruhan	52.1	60.0	51.6	59.2	66.2	69.8	73.6	57.2	60.2	63.5			
Skor Karakter	55.7				69.9				60.3			61.9	Kualiti Hidup Sederhana Tinggi
Tahap Keupayaan	Kualiti Hidup Sederhana Tinggi				Kualiti Hidup Tinggi				Kualiti Hidup Sederhana Tinggi				

PT=Pendapatan; PD=Pendidikan; KS=Kesihatan; KL=Keluarga; PG=Pengangkutan; KES=Keselamatan; PS=Penyertaan Sosial; PP=Persekitaran Perumahan; PAS=Persekitaran Alam Sekitar; PK=Persekitaran Kerja

yang signifikan pada aras $p < 0.05$. Pernyataan mudah mendapatkan pembiayaan memperoleh nilai $\chi^2 = 10.077$ dan $p = 0.212$; serta pembiayaan pendidikan adalah penting pula memperoleh nilai $\chi^2 = 7.878$ dan $p = 0.247$. Hasil analisis ini menunjukkan responden di bandar Alor Setar dan George Town memberikan penilaian yang rendah terhadap tawaran bantuan pendidikan yang diterima berbanding dengan responden di bandar Kangar. Dapatan ini turut mempengaruhi penilaian responden terhadap kepentingan bantuan pembiayaan pendidikan. Responden di bandar George Town melihat bantuan pembiayaan pendidikan adalah penting disebabkan faktor kos yang tinggi berbanding dengan responden di bandar Kangar dan Alor Setar.

Hasil kajian mendapati faktor lokasi sekolah dalam bandar sering dilihat oleh responden sebagai penyebab bantuan menjadi terhad; dan institusi pendidikan

swasta yang menyebabkan bantuan menjadi terbatas. Persaingan mencari dan merebut sumber di persekitaran bandar memerlukan asas pendidikan yang kukuh dan mencukupi untuk meningkatkan keupayaan penduduk Melayu kampung bandar di persekitaran bandar untuk terus berdaya saing.

Status Kesihatan Teras Kehidupan Penduduk

Menurut Michalos dan Robinson (2011), status kesihatan yang baik ialah sumber utama pembangunan personal, sosial dan ekonomi serta menjadi dimensi utama dalam penilaian kualiti hidup. Majoriti responden mempunyai status kesihatan yang baik. Status kesihatan yang baik turut didukung oleh kemudahan dan perkhidmatan infrastruktur kesihatan yang terdapat di persekitaran bandar Kangar, Alor Setar dan George Town.

Hasil kajian mendapati majoriti penduduk kampung bandar memberikan penilaian yang sangat positif terhadap kemudahan dan perkhidmatan kesihatan yang terdapat di sekitar kampung bandar. Perkhidmatan hospital dan klinik di sekitar bandar Kangar, Alor Setar dan George Town sangat membantu responden. Penilaian responden turut mendedahkan bahawa persekitaran bandar yang berhabuk, bising dan sesak tidak pernah menjadi penghalang kepada penduduk untuk terus mementingkan kualiti kesihatan persekitaran yang bersih dan berkualiti. Menurut Sen (2005) dan Danny *et al.*, (2007) aspek keupayaan manusia turut berkait rapat dengan tahap kesihatan semasa. Danny *et al.*, (2007) menegaskan bahawa tahap kesihatan mampu menterjemahkan jangkaan keupayaan dengan keupayaan sebenar penduduk mencapai set keupayaan.

Hasil kajian turut mendapati pencegahan dan pemantauan efektif pihak berkuasa kesihatan apabila terdapat laporan penyebaran penyakit seperti denggi dan chikungunya sangat cepat dan pantas. Menurut responden daripada ketiga-tiga bandar pihak kesihatan sentiasa prihatin dengan tahap kesihatan penduduk sekiranya berlaku masalah seperti penyakit berjangkit tersebut. Namun demikian, keperluan lawatan pihak berkuasa kesihatan secara berkala bagi memantau tahap kesihatan penduduk kampung bandar bukanlah keutamaan kepada penduduk kampung bandar.

Keutuhan Hubungan Keluarga Keutamaan Penduduk

Penduduk kampung bandar di Kangar, Alor Setar dan George Town mempunyai hubungan kekeluargaan yang utuh dan kuat. Menurut Mohd Yusof *et al.*, (2011), Yuting Liu *et al.*, (2010) dan Ye Liu *et al.*, (2012) kekuatan hubungan kekeluargaan terjelma menerusi keakraban hubungan, kekuatan pertalian saudara atau adik be-

radik, budaya yang diamalkan serta kepuasan penduduk kampung bandar terhadap persekitarannya. Hasil kajian mendapati majoriti responden mempunyai pertalian hubungan persaudaraan dengan penduduk di sekitar kawasan kampung bandar masing-masing. Hubungan kekeluargaan yang utuh mendorong penduduk untuk terus selesa dan kekal di persekitaran kampung bandar. Keselesaan dan kepuasan terhadap hubungan keluarga dilihat oleh Cummins (2000) sebagai asas yang menyumbang kepada kekuatan dalam kawalan homeostasis penduduk di sesuatu kawasan. Hasil kajian mendapati majoriti responden sangat gembira dan berasa seronok jika terdapat ahli keluarga yang mahu tinggal berdekatan. Majoriti responden turut mengakui faktor hubungan keluarga yang kuat dan utuh memberikan kekuatan kepada penduduk kampung bandar untuk terus kekal di persekitaran kawasan kampung bandar ini.

Asas Kekuatan Ketersediaan Sosial dan Akses Mudah Sampai Penduduk

Ketersediaan sosial dan tahap mudah sampai penduduk menggambarkan keupayaan penduduk Melayu kampung bandar untuk menyerap tekanan pembangunan secara kolektif serta keupayaan berhadapan dengan perubahan persekitaran bandar yang semakin kompleks. Asas ketersediaan sosial yang baik serta tahap mudah sampai penduduk ke persekitaran bandar mempengaruhi penilaian penduduk terhadap kualiti kehidupan yang bermakna. Perubahan yang berlaku dalam persekitaran bandar dikesan kerana bandar merupakan pusat yang menyediakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan (Azahan *et al.*, 2008, 2009). Menurut Abdul Ghani (2008), Schalock (2008), Michalos dan Robinson (2011) kualiti hidup dan kesejahteraan tidak hanya menekankan aspek material dalam kehidupan, seperti taraf hidup, tahap pengetahuan dan pemilikan fizikal, tetapi juga melibatkan aspek lain yang lebih jelas seperti kemudahan infrastruktur sosial, jaminan kebebasan bergerak (jaminan keselamatan) serta kekuatan dan kemesraan hubungan sosial yang baik.

Infrastruktur Pengangkutan Meningkatkan Tahap Mudah Sampai Penduduk

Kemudahan infrastruktur pengangkutan, seperti pembinaan lebuh raya serta pelebaran jalan negeri dan persekutuan memberikan keselesaan terhadap majoriti responden di sekitar bandar Kangar, Alor Setar dan George Town. Beirao dan Cabral (2007) menghujahkan bahawa kemudahan infrastruktur pengangkutan yang baik mendorong pengguna memilih untuk menggunakan pengangkutan awam atau pengangkutan sendiri. Hasil kajian mendapati lebih daripada 90% responden kampung bandar lebih gemar menggunakan kenderaan sendiri untuk ke bandar bagi mendapatkan keperluan harian serta membawa ahli keluarga keluar bersiar-

siar. Hasil kajian turut mendapati kedudukan lokasi kawasan kampung bandar yang berada dalam sempadan bandar serta status pemilikan kenderaan antara faktor pendorong responden untuk lebih selesa menggunakan kenderaan sendiri untuk ke bandar. Majoriti responden gemar keluar ke bandar dengan menaiki motosikal bagi mengelakkan kesesakan dan kereta untuk mendapatkan bekalan dapur dan harian. Sebanyak 88.8% responden kampung bandar mempunyai sekurang-kurangnya sebuah motosikal dan 70.7% penduduk lagi mempunyai kereta.

Penstrukturan semula sistem pengangkutan awam dan jarak antara kawasan yang pendek turut menyumbang kepada penilaian kemudahan perkhidmatan pengangkutan awam yang baik dan tahap mudah sampai yang tinggi. Hasil kajian mendapati kemudahan perkhidmatan pengangkutan awam yang distrukturkan semula membawa penambahbaikan sistem pengangkutan awam bas dan teksi di bandar George Town. Penambahbaikan sistem pengangkutan di Pulau Pinang menyebabkan syarikat pengangkutan bas awam atau Rapid Penang mendominasi perkhidmatan bas awam di seluruh Pulau Pinang, dengan liputan perkhidmatan dalam tempoh masa yang kerap, merangkumi kawasan taman perumahan serta kampung hingga ke pusat bandar utama di sekitar Pulau Pinang. Bagi negeri Perlis yang mempunyai jarak antara kawasan yang pendek telah menjadikan perkhidmatan bas dan teksi lebih berkesan dan tahap mudah sampai penduduk yang tinggi. Di Kedah yang masih belum mengalami penstrukturan semula pengangkutan awam bas dan teksi serta jarak antara kawasan yang panjang telah menjadi sebab penilaian kecekapan kemudahan perkhidmatan pengangkutan awam amat rendah.

Pengaruh Keselamatan Terhadap Ketersediaan Sosial Penduduk

Majoriti responden terdedah kepada bencana banjir dan ribut. Menurut Murdie *et al.*, (1992) penilaian penduduk terhadap jaminan keselamatan mampu merungkaikan kekuatan psikologi penduduk terhadap kepuasan, kegembiraan dan kestabilan emosi dalam sesuatu persekitaran. Cummins (2003) dan Mohamad Shahrudin (2012) melihat penilaian terhadap status keselamatan perlu dinilai menerusi keterdedahan terhadap bencana, ancaman keselamatan yang wujud dan masalah sosial yang berlaku. Hasil kajian mendapati lebih daripada 50% responden mengakui bahawa bencana banjir dan ribut sering berlaku di sekitar kawasan kampung bandar sekurang-kurangnya sekali hingga dua kali setahun. Kejadian bencana banjir dan ribut merupakan antara ancaman keselamatan penduduk Melayu kampung bandar. Kedudukan kawasan kampung bandar yang hampir dengan sungai utama seperti Sungai Perlis (bandar Kangar), Sungai Kedah (bandar raya Alor Setar) dan Sungai

Pinang (bandar raya George Town) dilihat punca keterdedahan responden terhadap masalah banjir ini. Perkembangan bandar dan kemudahan infrastruktur darat yang maju telah menjadikan sungai ini tidak lagi digunakan sebagai laluan utama penduduk yang akhirnya dihimpit oleh pembangunan, tidak diurus dengan sempurna, kotor dan cetek dan akhirnya mengundang masalah banjir di kawasan kampung bandar.

Majoriti responden sangat berasa selamat tinggal di persekitaran kawasan kampung bandar. Ketidakrisauan dan keyakinan yang tinggi responden untuk ke bandar petunjuk penting penyesuaian diri responden terhadap persekitaran bandar berdekatan. Kehadiran pendatang atau penyewa luar ke kawasan kampung bukan faktor utama responden untuk berasa tidak selamat tinggal di sekitar kawasan kampung bandar. Hasil kajian mendapati tahap keselamatan menjadi keutamaan responden, dan majoriti responden tidak pernah berkompromi dalam aspek keselamatan. Majoriti responden selalu memastikan pintu rumah dikunci meskipun ketika berada di rumah atau terdapat rondaan pihak polis di sekitar kawasan kampung bandar.

Penyertaan Sosial Tunjang Perpaduan Penduduk

Penyertaan sosial menjadi asas perpaduan penduduk Melayu kampung bandar. Penilaian yang tinggi diberikan oleh responden menerusi hubungan kejiiran, menjalankan aktiviti bersama-sama dan keaktifan peranan organisasi kampung. Menurut Mohd. Yusof *et al.*, (2011) keakraban dan keutuhan penduduk kampung bandar di Kampung Berjaya dan Kampung Mempelam di Alor Setar, Kedah dapat diterjemahkan menerusi kekerapan aktiviti yang dijalankan bersama-sama dan keterlibatan dalam aktiviti berpersatuan pada peringkat kampung. Perpaduan yang wujud tergambar menerusi kekuatan hubungan kejiiran yang telah lama terjalin dalam kalangan penduduk. Perbandingan kekuatan hubungan kejiiran dan kekeluargaan mendapati penduduk Melayu kampung bandar di bandar Kangar dan George Town memberikan penilaian yang tinggi terhadap hubungan kejiiran, manakala penduduk di Alor Setar pula memberikan penilaian yang rendah terhadap hubungan kejiiran lebih penting daripada hubungan kekeluargaan. Hasil kajian mendapati secara keseluruhannya hubungan kekeluargaan sahaja masih belum cukup untuk menjamin kualiti kesejahteraan hidup penduduk, manakala hubungan kejiiran yang baik dianggap sebagai penentu kualiti kesejahteraan hidup penduduk. Namun demikian, gabungan kedua-dua hubungan ini lebih memberikan jaminan kesejahteraan hidup penduduk Melayu di kawasan kampung bandar.

Hasil kajian juga mendapati penduduk Melayu kampung bandar masih mengekalkan nilai budaya masyarakat kampung, seperti ziarah-menziarahi jiran

tetangga, melaksanakan kenduri secara bergotong-royong, di samping penduduk tidak dibezakan mengikut fahaman politik. Kerelaan melakukan aktiviti secara bersama-sama menggambarkan kekuatan hubungan sosial penduduk Melayu kampung bandar dalam kejiranan di persekitaran kampung bandar masih utuh. Kajian ini turut menangkis hujah yang dikemukakan dalam teori urbanisme bahawa kehidupan bandar dilihat telah memberi ancaman terhadap hubungan sosial di bandar (Louis Witth, 1938). Yang sebenarnya kehidupan bandar itu sendiri dibentuk oleh nilai budaya dan tradisi asal penduduk tersebut, yang akhirnya menjadikan nilai budaya dan tradisi tersebut disesuaikan dengan persekitaran semasa. Amalan ini jelas menunjukkan penduduk kampung bandar agen penting yang berperanan mengubah dan menyesuaikan nilai budaya dan tradisi sesuai dengan kehidupan sosial keseluruhan penduduk kampung bandar.

Adaptasi Penduduk di Persekitaran Bandar

Persekitaran bandar, khususnya kawasan kampung bandar turut dilihat sebagai sumber penawaran habitat kehidupan penduduk Melayu kampung bandar. Menurut Yuting Liu *et al.*, (2010), Ye Liu *et al.*, (2012), Yanliu Lin dan Bruno De Meulder (2012), persekitaran perumahan, persekitaran alam sekitar bandar, persekitaran infrastruktur bandar, persekitaran budaya kerja di bandar dan persekitaran fizikal bangunan di bandar memberikan kesan langsung terhadap penduduk di kampung bandar. Ruang persekitaran bandar yang terhad dan kos hartanah yang tinggi menjadikan persekitaran kampung bandar sangat penting dan bermakna kepada penduduk Melayu kampung bandar. Adaptasi persekitaran di bandar amat berkait rapat dengan persekitaran perumahan, persekitaran alam sekitar serta persekitaran kerja. Ketiga-tiga petunjuk tersebut mampu merungkai status adaptasi persekitaran penduduk kampung bandar untuk mencapai status kualiti hidup yang baik atau sebaliknya.

Persekitaran Perumahan Sumber Habitat Kehidupan Penduduk Melayu Kampung Bandar

Persekitaran perumahan yang baik dan berkualiti ialah keutamaan penduduk Melayu kampung bandar. Persekitaran perumahan di kawasan kampung bandar dapat diibaratkan sebagai sumber habitat kehidupan penduduk khususnya untuk menjamin kualiti kehidupan penduduk Melayu kampung bandar. Menurut Ye Liu *et al.* (2012) persekitaran perumahan kampung bandar mula dipengaruhi oleh corak pembangunan di persekitarannya. Bagi Abdul Hadi (2004) persekitaran rumah yang baik dan berkualiti perlu mengambil kira aspek budaya dan tradisi. Aspek budaya dan tradisi

mempunyai pengaruh yang signifikan untuk mencorakkan identiti masyarakat. Identiti ini menjadi kekuatan bagi sesebuah komuniti untuk terus berdaya tahan dan membentuk keupayaan ketika berhadapan dengan perubahan persekitaran (Abdul Hadi, 2004). Majoriti responden tinggal di kediaman milik sendiri. Hasil kajian mendapati sebanyak 81.1% responden Melayu kampung bandar tinggal di kediaman milik sendiri. Purata tempoh tinggal responden di kediaman sekarang adalah lebih daripada 30 tahun dan tempoh tersebut selari dengan umur responden. Hasil kajian juga mendapati majoriti responden yang tinggal dan menetap di persekitaran kampung bandar di ketiga-tiga bandar merupakan penduduk asal. Majoriti responden menghuni di kawasan kampung bandar ini sejak sebelum merdeka lagi serta mempunyai hak pemilikan yang sah seperti geran tanah dan rumah. Majoriti responden di bandar Kangar dan Alor Setar tinggal di tanah milik sendiri atau pusaka atau milik keluarga. Di kebanyakan kawasan kampung bandar di bandar George Town majoriti responden menghuni di tapak tanah wakaf. Kawasan kampung bandar di sekitar bandar George Town didapati diwakafkan oleh orang terdahulu, selain ada yang memiliki hak pemilikan sendiri, keluarga atau pusaka.

Reka bentuk rumah di kawasan kampung bandar majoritinya masih mengekalkan rupa bentuk rumah induk kampung asal (tradisional) di samping turut ditambah dengan binaan batu. Hasil kajian mendapati seramai 56% responden tinggal di rumah yang diperbuat daripada kayu dan batu, diikuti rumah batu sebanyak 25.7% dan rumah kayu sebanyak 18.3%.

Apa-apa yang berlaku di kawasan kampung bandar di bandar Kangar, Alor Setar dan George Town termasuklah pertambahan rumah secara tidak terancang, sesuka hati dan *ad-hoc* mengundang rasa kurang senang dalam kalangan penduduk kampung bandar. Tindakan segelintir penduduk yang membina atau menambah rumah secara sesuka hati menyebabkan kawasan kampung bandar semakin sesak, sempit dan meningkatkan risiko jika berlaku kecemasan seperti kebakaran. Faktor kekurangan tapak rumah serta kos hartanah di persekitaran bandar yang tinggi menyumbang kepada tindakan segelintir penduduk kampung bandar untuk membina rumah secara sesuka hati. Maklum balas menerusi penilaian responden yang rendah menggambarkan aktiviti pembinaan tambahan rumah secara sesuka hati penduduk menimbulkan ketidakelesaian dan kemerosotan nilai kualiti kehidupan penduduk Melayu kampung bandar.

Adaptasi Penduduk dengan Persekitaran Alam Sekitar

Keupayaan penduduk berkompromi dengan persekitaran alam sekitar di bandar yang sentiasa berubah-ubah dapat dilihat sebagai usaha penduduk menyerap tekanan

pembangunan bandar. Penduduk Melayu kampung bandar mempunyai daya untuk berubah dan menerima perubahan melalui adaptasi dengan persekitaran alam sekitar di bandar. Secara umumnya keupayaan penduduk dan persekitaran fizikal bandar mempunyai interaksi yang signifikan. Interaksi ini wujud apabila penduduk mempunyai keupayaan untuk mengubah persekitarannya dan pada masa yang sama perubahan persekitaran bandar tersebut mampu meninggalkan kesan positif dan negatif (Evan *et al.*, 2003; Lambin *et al.*, 2001; Russell *et al.*, 2010). Persekitaran yang wujud turut membina keupayaan manusia untuk terus menentukan tahap kualiti hidup mereka sendiri.

Hasil kajian mendapati persekitaran alam sekitar kawasan kampung bandar dapat dinilai dalam dua keadaan, iaitu dalam kawasan kampung bandar (persekitaran kediaman penduduk) dan dalam persekitaran bandar. Penduduk sanggup untuk terus berupaya kekal di persekitaran kampung bandar walaupun diakui terdedah kepada masalah bencana banjir, ribut, persekitaran dalam bandar semakin sibuk, sesak dan bising. Hasil kajian turut menunjukkan persekitaran bandar yang sentiasa berubah-ubah dan kompleks bukanlah satu ancaman yang serius dan menyebabkan ketidakselesaan kepada penduduk, sebaliknya penyesuaian diri dengan persekitaran bandar adalah suatu yang perlu atau terpaksa dilalui. Kajian ini melihat keupayaan penduduk kampung bandar untuk terus kekal di persekitaran bandar tersebut turut dipengaruhi oleh gabungan kekuatan dalam karakter persekitaran itu sendiri selagi tidak menjejaskan kehidupan antara satu sama dengan yang lain.

Kemudahsampaian Persekitaran Kerja Penduduk Tinggi

Tahap mudah sampai ke persekitaran kerja responden adalah tinggi. Tahap mudah sampai yang tinggi ini dilihat sebagai antara keutamaan responden Melayu kampung bandar terus berupaya kekal di persekitaran kampung bandar. Menurut Hamam Serag *et al.*, (2013) kekuatan kualiti hidup di bandar turut disumbangkan oleh pengaruh dan peluang persekitaran kerja yang tersedia di bandar. Cummins (2000) pula melihat persekitaran kerja yang baik turut mendorong penduduk mencapai tahap kesejahteraan yang berkualiti. Bagi Ye Liu *et al.*, (2012) persekitaran kerja yang wujud di persekitaran bandar sekitar kawasan kampung bandar memberikan kekuatan kepada generasi kedua penduduk kampung bandar untuk terus kekal di persekitaran bandar.

Hasil kajian mendapati sebanyak 32.6% responden Melayu kampung bandar bekerja sendiri dan jumlah ini merupakan yang paling banyak jika dibandingkan dengan responden yang bekerja di sektor swasta dan kerajaan yang masing-masing sebanyak 22.6% dan 12.8% sahaja. Perkembangan persekitaran bandar membuka peluang

penduduk untuk meningkatkan pendapatan dan pekerjaan yang lebih sesuai. Hasil kajian juga memperlihatkan purata jarak masa untuk penduduk ke tempat kerja dalam jangka masa kira-kira kurang daripada 25 minit. Tempoh tersebut menunjukkan tahap mudah sampai penduduk ke persekitaran kerja ketika ini adalah tinggi. Persekitaran kerja yang wujud di sekitar kawasan kampung bandar (dalam persekitaran bandar) juga dijadikan faktor penduduk memberikan penilaian yang tinggi terhadap tahap mudah sampai ke persekitaran kerja atau persekitaran kerja berdekatan dengan rumah.

KESIMPULAN

Pembangunan persekitaran bandar di bandar Kangar, Alor Setar dan George Town ketika ini agak seimbang (sesuai dengan saiz bandar dan kepadatan penduduk) serta bersifat utilitarianisme (mengandaikan semua kemudahan dapat dinikmati semua). Peranan yang dimainkan pihak berwajib atau bertanggungjawab berjaya menyediakan semua kemudahan dan infrastruktur di persekitaran bandar seperti di Kangar, Alor Setar dan George Town. Semua kemudahan tersebut dapat dinikmati oleh penduduk Melayu kampung bandar.

Asas ketersediaan diri yang baik membolehkan penduduk berupaya beradaptasi dengan persekitaran bandar. Keupayaan memperoleh pendapatan yang mencukupi, pendidikan yang sempurna, tahap kesihatan yang baik serta hubungan keluarga yang akrab merupakan cerminan keupayaan pencapaian fungsi setiap penduduk mencapai status kualiti hidup yang baik. Ketersediaan sosial dan penentuan tahap akses mudah sampai penduduk Melayu kampung bandar dapat digambarkan menerusi perkhidmatan infrastruktur pengangkutan yang tersedia, keyakinan terhadap tahap keselamatan, serta status penyertaan sosial penduduk. Rangkaian tersebut menggambarkan keupayaan penduduk kampung bandar terhadap kedudukan ketersediaan sosial dan tahap mudah sampai penduduk berada dalam keadaan sempurna dan baik. Adaptasi persekitaran bandar, khususnya kawasan kampung bandar turut dilihat sebagai sumber penawaran tempat tinggal penduduk Melayu kampung bandar. Ruang persekitaran bandar yang terhad dan kos hartanah yang tinggi menjadikan persekitaran kampung bandar sangat penting dan bermakna kepada mereka.

Perkembangan bandar bersifat berterusan. Oleh itu, perancangan bersifat kemanusiaan sentiasa diperlukan untuk menyediakan peluang keupayaan kepada penduduk untuk ketersediaan diri, sosial dan adaptasi persekitaran bandar dari semasa ke semasa.

PENGHARGAAN

Kajian ini telah dibiayai oleh geran penyelidikan FRGS 203/PSOSIAL/6711549 di bawah Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia.

RUJUKAN

- Abdul Ghani Salleh. (2008). Neighborhood factors in private low-cost housing in Malaysia. *Habitat International* 32, 485–493.
- Abdul Hadi Harman Shah. (2004). Membentuk persekitaran untuk kemampunan budaya setempat. In Jamaluddin Md Jahi, Mohd Jailani Mohd Nor, Kadir Arifin & Azahan Awang (Eds.). *Alam sekitar dan kesejahteraan masyarakat Malaysia*. Bangi: Pusat Pengurusan Persekitaran, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Rahman Embong. (2011). Pemandaran dan kehidupan bandar di Semenanjung Malaysia. *Akademika*, 81(2), 23–39.
- Abdul Samad Hadi. (2011). Ketersusunan dalam kecelaruan: Dinamika habitat manusia dalam peralihan perubahan ke arah habitat berdayahuni. *Prosiding Seminar Antarabangsa Ke-4 Ekologi, Habitat Manusia dan Perubahan Persekitaran di Alam Melayu* 23–24 Mei 2011. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Andrews, F.M. & Withey, S.B. (1976). *Social indicators of wellbeing: American's perceptions of life quality*. New York: Plenum Press.
- Anuar Amir. (2004). Merentasi dikotomi bandar/desa: Ke arah pewilayahan petempatan yang mengalami tekanan pemandaran. *Jurnal Alam Bina*, 6 (2), 69–86.
- Asmah Ahmad. (2005). Kualiti hidup dan pengurusan persekitaran di Malaysia. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Persekitaran 2005*, 3–14.
- Azahan Awang. 2004. Kearah penilaian kualiti hidup mampan masyarakat bandar di Malaysia. In Jamaluddin Md Jahi, Mohd Jailani Mohd Nor, Kadir Arifin & Azahan Awang (Eds.). *Alam Sekitar Dan Kesejahteraan Masyarakat Malaysia*, hlm. 244–255. Bangi: Pusat Pengurusan Persekitaran, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azahan Awang, Abdul Hadi Harman Shah & Kadarudin Aiyub. 2008. Penilaian makna kualiti hidup dan aplikasinya dalam bidang pengurusan persekitaran di Malaysia. *Akademika*, 72, 45–68.
- Azahan Awang, Jamaluddin Md Jahi, Lukman Z. Mohamad, Kadarudin Aiyub & Kadir Arifin. (2009). The quality of life Malaysia's intermediate city: Urban dwellers perspective. *European Journal of Social Sciences*, 9 (1), 161–167.
- Barbie, E. (2009). *The Practice of Sosial Research*. (12nd Ed.). Belmont C.A: Wadsworth.
- Beirao, G. & Cabral, J.A.S. (2007). Understanding attitudes towards public transport and private car: A qualitative study. *Transportations Policy*, 14 (6),: 478–489.
- Biddulph, Mike. (2011). Urban design, regeneration, and the entrepreneurial city. *Progress in Planning*, 76 (2), 63–103.

- Brindley, T. (2003). The social dimension of the urban village: A comparison of models for sustainable urban development. *Urban Design International*, 8, 53–65.
- Campbell, R.H. dan Skinner, A.S. (1976). *Adam Smith, an inquiry into the nature and causes Of the wealth of nation*. Oxford: Clarendon Press.
- Chuan, T.C., Mohd Razali Muhamad., Lian, T.C., Wee, S.Y., & Siti Azirah Asmai. (2011). *Statistics with SPSS for research*. Melaka: Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
- Chun, Y. Z., Jia, J. W., Xian, H. F., Zhi, H. Z., Jing Zhao & Chai, X.W. (2011). *Correlates of quality of life in China rural-urban female migrate workers*. Beijing: Quality of Life Research Institute.
- Cummins, A.R. (2000). Objective and subjective quality of life: an interactive model. *Social Indicator Research*, 52, 55–72
- Cummins, A.R. (2003). Developing a national index of subjective wellbeing: The Australian Unity Wellbeing Index. *Social Indicators Research*, 64, 159–190.
- Cummins, A.R. (2005). Caregivers as managers of subjective wellbeing: a homeostatic perspective. *Journal of Applied Research in Intellectual Disabilities*, 18(4), 335–344.
- Costanza, R., d'Arge, R., de Groot, R., Farber, S., Grasso, M., Hannon, B., Naeem, S., Limburg, K., Paruelo, J., O'Neill, R.V., Raskin, R., Sutton, P. & Van Den Belt, M. (1997). The value of the world's ecosystem service and natural capital. *Journal of Nature*, 387, 253–260.
- Danny Ruta, Laura Camfield & Cam Donaldson. (2007). Sen and the art of quality of life maintenance: toward a general theory of quality of life and its causation. *The Journal of Socio Economic*, 36, 397–423.
- Deakin, Mark. (2012). The case for socially-inclusive visioning in the community-base approach to sustainable urban regeneration. *Sustainable Cities and Society*, 3, 13–23.
- Diener, E. & Suh, E. 1997. Measuring quality of life: economic, social indicator and subjective indicator. *Social Indicator Research*, 40, 189-216.
- Diener, E. & Lucas, R. (1999). Personality and subjective well-being. In Kahneman, D., Diener, E. dan Schwarz, N. (Eds.). *Well-Being: The Foundations of Hedonic Psychology*. New York: Russell Sage Foundation.
- Ethan A. McMahan & David Estes. 2011. Measuring lay conception of well-being: the beliefs about well-being scale. *Journal Happiness Study*, 12, 267-287
- Evan D.G. Fraser, Warren Mabee dan Olav Slaymaker. (2003). Mutual vulnerability, mutual dependence the reflexive relation between human society and the environment. *Global Environmental Change*, 13, 137–144.
- F. Fahy & M. Ó Cinnéide. 2008. Developing and testing an operational framework for assessing quality of life. *Environmental Impact Assessment Review*, 28, 366–379.
- Foo, T.S. (2000). Subjective assessment of urban quality of life in Singapore (1997-1998). *Habitat International*, 24 (1), 31–49.
- Gu, C. L. & Shen, J. F. (2003). Transformation of urban socio-spatial structure in socialist market economies: the case of Beijing. *Habitat International*, 27(1), 107–122.

- Griffin, Em. (2006). *A First Look at Communication Theory*. New York: McGraw-Hill.
- Haller, M. & Hadler, M. (2006). How social relations and structure can produce happiness and unhappiness: an international comparative analysis. *Social Indicators Research*, 75, 169–216.
- Hamam Serag El Din, Ahmed Shalaby, Hend Elsayed Farouh & Sarah A. Elariane. (2013). Principle of urban quality of life for neighbourhood. *HBRC Journal*, 9, 86–92.
- He, S.J., Liu, Y.T., Webster, C. & Wu, F. (2009). Property rights redistribution, entitlement failure, and the impoverishment of landless farmers. *Urban Studies*, 45(9), 183–197.
- Irina G. Malkina-Pykh & Yuri A. Pykh. 2008. Quality-of-life indicators at different scales: theoretical background. *Journal of Ecological Indicators*, 8, 854 – 862.
- Jacobs, Jane. (1961). *The death and life of great American cities*. Canada: Random House Inc.
- Jamaluddin Md Jahi. (2004). Kemerossotan kualiti alam sekitar dan kesejahteraan masyarakat Malaysia di abad ke-21. In Jamaluddin Md Jahi, Mohd Jailani Mohd Nor, Kadir Arifin & Azahan Awang (Eds.). *Alam sekitar dan kesejahteraan masyarakat Malaysia*, 10–28. Bangi: Pusat Pengurusan Persekitaran, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jung-Ho Yu & Hae Rim Kwon. (2011). Critical success factors for urban regeneration projek in Korea. *International Jurnal of Project Management*, 29(7), 889–899.
- Katiman Rostam. (2001). *Dasar dan Strategi Petempatan dalam Pembangunan Negara*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kevin J. Gaston. (2010). *Urban Ecology: Ecological Reviews*. New York: Cambridge University Press.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607-610.
- Kyle, G., Alan Graefe, Robert Manning dan James Bacon. (2004). Effects of place attachment on users' perceptions of social and environmental conditions in a natural setting. *Journal of Environmental Psychology*, 24, 213–225.
- Lambin, E., Turner, B., Geist, H., Agbola, S., Angelsen, A., Bruce, J., Coomes, O., Dirzo, R., Fischer, G., Folke, C., George, P., Homewood, K., Imbernon, J., Leemans, R., Lin, X., Moran, E., Mortimorep, M., Ramakrishnan, P., Richards, J., Skanes, H., Steffen, W., Stone, G., Svedin, U., Veldkamp, T., Vogel, C. dan Xu, J. 2001. The causes of land-use and land-cover change: moving beyond the myths. *Global Environmental Change*, 11, 261–269.
- Lee Kok Chai & Wan Rozali Hj Wan Hussin. (2007). Kualiti hidup sosial dan isu-isu perumahan: Kajian kes di Pulau Pinang. Kertas Kerja untuk Prosiding Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Li Ling Hin & Li Xin. (2011). Redevelopment of urban villages in shenzhen, China: An analysis of power relations and urban coalitions. *Journal of Habitat International*, 35, 426-434.

- Lim Lan Yuan, Belida Yuen dan Christine Low. (1999). *Quality of life in cities-definitions, approaches and research. urban quality of life: Critical issues and options*. Singapore: School of Building and Real Estate, National University of Singapore.
- Louis Wirth. (1938). Urbanisme as a way of life. *American Journal of Sociology* 44, 1-24.
- Mahathir Mohamad. (1999). Kata alu-aluan kualiti hidup Malaysia 1999, Jabatan Perdana Menteri Malaysia, Kuala Lumpur. [http://www.epu.jpm.my /New%20Folder/publication/mqli99/1.html](http://www.epu.jpm.my/New%20Folder/publication/mqli99/1.html), [20 November 2011]
- Malaysia. 2010. *Rancangan Malaysia ke Sepuluh (2011–2015)*.
- Mansor Ibrahim, Shireen Jahnkassim, Mesut Idris, Nurul Syala Abd. Latip dan Nor Zalifa Zainal Abidin. (2010). *Architecture as a reflection of social structure: A reminiscence of the Suleymaniye Complex of Istanbul*. Gombak: International Islamic University Malaysia.
- Massam, B.H. (2002). Quality of life: Public planning and private living. *Progress in Planning* 58, 141-227
- Michalos, A.C. & Robinson, S.R. (2011). The good life: Eighth century to third century BCE. Dlm. K.C. Land, A.C. Michalos, dan M.J. Sirgy (eds.). *Handbook of social indicators and quality-of-life research*. New York: Springer.
- Mohamad Shahrudin Samsurijan. (2011). “*Urban Village*” di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Alor Setar: *Kajian terhadap Kampung Berjaya dan Kampung Mempelam* (Tesis Sarjana tidak diterbitkan). Bangi: Program Penilaian Impak Sosial dan Sekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Shaladin bin Muda, Wan Abdul Aziz bin Wan Mohamad Amin & Nik Wan bin Omar. 2006. Analisis Kesejahteraan Hidup Nelayan Persisir. Edaran dalaman. Fakulti Pengurusan Ekonomi, Universiti Malaysia Terengganu.
- Mohd Yusof Hussain, Mohamad Shahrudin Samsurijan, Suraiya Ishak dan Abd. Hair Awang. (2011). Hubungan kejuruan dalam usaha membentuk kesejahteraan hidup masyarakat ”kampung bandar”: Kes Kampung Berjaya dan Kampung Mempelam, Alor Setar, Malaysia. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space*, 7 (3), 36–44.
- Murdie, R.A., D. Rhyne & J. Bates. 1992. *Modelling quality of life indicator in Canada: A feasibility analysis*. Ottawa: Canada Mortgage and Housing Corporation.
- Murray, C. (2004). Rethinking neighbourhoods: From urban villages to cultural hubs. D. Bell, dan M. Jayne (Eds.). *City of quarters: Urban villages in the contemporary city*. Aldershot: Ashgate Publishing Limited.
- Narayana, M.R. (2009). Education, human development and quality of life: Measurement issues and implications for India. *Social Indicator Research*, 90, 279–293.
- Naude, W., Stephanie Rossouw dan Waldo Krugell. (2009). The non-monetary quality of city life in South Africa. *Habitat International*, 33, 319–326.
- Neuman, W.L. (2007). *Basic of social research method: Qualitative and quantitative approaches*. Boston: Pearson Education Inc.

- Nguyen Quang Vinh dan Michael Leaf. (1996). City life in the village of ghosts: A case study of popular housing in Ho Chi Minh City, Vietnam. *International Habitat*, 20 (2), 175–190.
- Pu Hao, Richard Sliuzas dan Stan Geertmen. (2011). The development and redevelopment of “urban villages” in Shenzhen. *Journal of Habitat International*, 35, 214–224.
- Robert Huggins dan Piers Thompson. (2012). Well-being and competitiveness: Are the two linked at a place-based level? *Cambridge Journal of Regions, Economy and Society*, 5, 45–60.
- Russell Smyth, Ingrid Nielsen dan Qingguo Zhai. (2010). Personal wellbeing in urban China. *Social Indicator Research*, 95, 231–251.
- Sen, A. 2005. Human rights and capabilities. *Journal of Human Development*, 6(2), 151–66.
- Schalock, R.L. (2008). The conceptualization and measurement of quality of life: Implication for program planning and evaluation in the field of intellectual disabilities. *Journal of Evaluation and Program Planning*, 31, 181–190.
- Scanlon, T., 1993. Value, desire and quality of life. In Martha Nussbaum & Amartya Sen (Eds.). *The Quality of Life*. New York: Oxford University Press.
- Seong-Kyu Ha. (2004). New shantytowns and the urban marginalized in Seoul Metropolitan Region. *Habitat International*, 28, 123–141.
- Silver, Daniel. (2012). The American scenscape: amenities, scenes and the qualities of local life. *Cambridge Journal of Regions, Economy and Society*, 5, 97–114.
- Sirgy, M.J. (2011). Theoretical perspectives guiding QOL indicator project. *Social Indicator Research*, 103, 1–22.
- Tait, M. (2003). Urban village as self-sufficient, integrated communities: A case study in London’s Docklands. *Journal of Urban Design International*, 8, 37–52.
- Veenhoven, R. (2000). The four qualities of life. Ordering concepts and measures of the good life. *Journal of Happiness Studies*, 1, 1–39.
- Williams, D.R. dan Vaske, J.J. (2003). The measurement of place attachment: validity and generalizability of a psychometric approach. *Forest Science*, 49, 830–840.
- Xie, Z.K. (2005). *The transition from village to urban community: A study of institution, policy and the urban village problem during the urbanization in China*. Beijing: China Social Sciences Press.
- Yan Song dan Yves Zenou. (2011). Urban villages and housing values in China. *Journal of Regional Science and Urban Economic*, 1–11.
- Yanliu Lin dan Bruno De Meulder. (2012). A conceptual framework for the strategic urban project approach for the sustainable redevelopment of “villages in the city” in Guangzhou. *Habitat International*, 36, 380–387.
- Ye Liu, Zhigang Li dan Werner Breitung. (2012). The social network of new-generation migrants in China’s urbanized villages: A study case of Guangzhou. *Journal of Habitat International*, 36, 192–200.
- Yuliana Polishchuk dan Felix Rauschmayer. (2012). Beyond “benefits”? Looking at ecosystem services through the capability approach. *Ecological Economics*, 81, 103–111.

Yuting Liu, Shenjing He, Fulong Wu, Chris Webster. (2010). Urban village under China' rapid urbanization: Unregulated assets and transitional neighbourhood. *Journal of Habitat International* 34, 135–144.

Diperoleh (*received*): 25 Februari 2018

Diterima (*accepted*): 7 Mei 2019